

01/06/2004

Peningkatan penghidap HIV/Aids ketara

KUALA LUMPUR: Jumlah penghidap HIV/Aids di negara ini terutama di kalangan wanita masih menunjukkan peningkatan ketara disebabkan jangkitan daripada pasangan masing-masing termasuk suami.

Pengerusi Yayasan Aids Malaysia (MAF), Datin Paduka Marina Mahathir, berkata bagaimanapun bilangan jangkitan baru HIV/Aids di kalangan lelaki tahun lalu menunjukkan sedikit penurunan.

"Jumlah penghidap yang tinggi di kalangan wanita ini disebabkan penyakit mereka lewat dikesan serta meninggal dunia sebelum sempat mendapat rawatan.

"Faktor lain ialah masih ramai wanita tidak tahu mereka terdedah jangkitan kerana berpendapat mereka tidak melakukan apa-apa tetapi tidak menyedari bahawa pasangan masing-masing juga boleh menyebabkan jangkitan," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata demikian selepas sidang media majlis pelancaran dan penamaan pencalonan Anugerah Dr Siti Hasmah 2004. Turut hadir, Pengarah Urusan The Carat Club, Chan Boon Yong.

Sepanjang sembilan bulan pertama tahun lalu juga, sebanyak 5,421 kes jangkitan HIV atau 20 jangkitan sehari termasuk 809 kes Aids dan 504 kematian berbanding hampir 7,000 kes dilaporkan.

Terdahulu, Anugerah Dr Siti Hasmah 2004, yang diadakan setiap dua tahun sekali itu diwujudkan bagi mengubah tanggapan masyarakat terhadap mereka yang terbabit dalam kerja amal berkaitan HIV/Aids.

Majlis penganugerahan akan disampaikan Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, pada acara amal perdana MAF, The Red Ribbon Gala pada 18 September ini di Hotel Mandarin Oriental.

Penyertaan dibuka kepada orang ramai untuk mencalonkan individu atau organisasi yang memberi sumbangan dalam kerja berkaitan HIV/Aids di negara ini dalam tempoh 1 Mei 2002 hingga 30 April 2004. Tarikh tutup ialah pada 30 Jun ini.

(END)